

# Lok Nunuk jadi pilihan tiga universiti

4B 20-01-2012 A2

**TUARAN:** Meskipun terletak di pinggir laut namun Kampung Lok Nunuk mampu mengamit kehadiran pengunjung luar untuk berbanding ke kampung itu.

Ini dapat dibuktikan menerusi penganjuran Program Bakti Siswa 'Masih Ada Yang Prihatin' yang diadakan selama empat hari tiga malam di kampung itu melibatkan seramai 90 mahasiswa dan mahasiswi daripada Universiti Sultan Zainal Abidin, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan UiTM Sabah.

Menurut Pengarah Program Bakti Siswa, Nik Zawawi Ismail, Kg Lok Nunuk terpilih sebagai lokasi penganjuran program itu berdasarkan kepada beberapa kriteria termasuklah keunikan kebudayaan dan adat resam masyarakat Bajau di kampung itu.

"Selain Kg Lok Nunuk, terdapat dua kampung lain yang menjadi perhatian kami sebelum ini iaitu Kg Serusop dan Kg Penimbawan tetapi memandangkan Lok Nunuk memenuhi kriteria maka kami mengambil keputusan untuk berkampung di sini," katanya selepas berakhirnya program yang bermula pada 13 hingga 18



**HAJIJI menerima cenderahati daripada wakil Unisza**

Januari itu.


Menurutnya, selama berada di kampung itu, banyak perkara baru yang dipelajari terutamanya mengenali adat dan kebudayaan serta bahasa Bajau yang agak unik menerusi keluarga angkat masing-masing.

Tambahnya, program seumpama itu merupakan yang pertama kali diadakan di Sabah

dan turut melibatkan 32 keluarga angkat.

Aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong membersihkan kawasan masjid dan kampung, sukaneka dan membuat parit merupakan antara pengisian program yang diadakan sepanjang mereka berada di kampung itu.

Sementara itu, Adun Sulaman, Datuk Hajiji Noor



**NIK ZAWAWI**

yang juga Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan turut berbanggakerana Kg Lok Nunuk terpilih sebagai lokasi penganjuran program Bakti Siswa.

Beliau percaya banyak perkara baru yang diperolehi semasa berada di kampung itu terutamanya mempelajari tentang selok-belok adat dan kebudayaan serta bahasa masyarakat Bajau.

"Ini juga secara tidak langsung akan dapat membantu para mahasiswadan mahasiswi membuat kajian tentang kebudayaan, adat dan bahasa masyarakat Bajau yang merupakan antara etnik



**MAHASISWA dan mahasiswi bergambar kenangan selepas tamat program berkenaan.**

terbesar di Sabah," katanya sambil berharap para graduan akan dapat memanfaatkan segala pengalaman itu ke arah kebaikan.

Hajiji turut mengingatkan para pelajar pengajian tinggi awam agar menjauhi perkara-perkara negatif dan tidak bersikap ekstrim.

"Ini kerana ada segelintir pelajar yang begitu berani untuk menentang pemimpin dan

kerajaan tetapi tanpa mereka sedari bahawa segala apa yang mereka kecapi selama ini termasuk belajar di institut pengajian tinggi adalah hasil daripada usaha kerajaan Barisan Nasional (BN)," katanya.

Turut hadir dimajlis itu Penolong Pegawai Daerah Tuaran, Anyie Mamut dan Pengerusi JKKK Lok Nunuk, Sitarin Jaafar.